



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
Email : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**Operasi Penguatkuasaan**  
**Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Siri 7/2012**  
**'Ops Basuh II' : Operasi Larangan Penjualan Rokok Di Bawah Harga**  
**Minimum Rokok Dan Rokok Tanpa Amaran Kesihatan Bergambar**

Pada minggu ke 4, Julai 2012, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan operasi penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004** peringkat Kebangsaan bagi siri ketujuh tahun 2012. Operasi bertema '**Ops Basuh II**' ini merupakan lanjutan siri operasi '**Ops Basuh**' bagi menguatkuasakan peraturan larangan penjualan rokok di bawah **Harga Minimum Rokok** yang ditetapkan oleh Kerajaan dan larangan penjualan rokok tanpa amaran kesihatan bergambar. Operasi ini ditujukan kepada para peniaga yang menjual rokok dengan harga di bawah **RM 7.00** sepaket dan rokok tidak sah.

Daripada **2,085** buah premis jualan rokok yang telah diperiksa di seluruh negara, sejumlah **90** buah kedai didapati melakukan kesalahan. Daripada jumlah **90** buah kedai tersebut, seramai **80 orang peniaga** telah dikenakan **kompaun minimum RM 500.00** setiap orang di atas kesalahan menjual rokok dengan harga di bawah daripada **Harga Minimum Rokok**. Jumlah nilai kompaun yang dikenakan adalah sebanyak **RM 40,000.00**. Disamping itu, sebanyak **1905** paket rokok dengan jumlah nilai pasaran sebanyak **RM 13,335.00** telah juga disita daripada **51** buah kedai yang melakukan kesalahan menjual rokok dengan harga di bawah **RM 7.00** sepaket.

Selain daripada itu, seramai **10 orang peniaga** juga telah diberi notis kesalahan kerana menjual **rokok tidak sah** yang tidak dicetak **Amaran Kesihatan Bergambar**. Peniaga-peniaga yang menjual rokok tidak sah tersebut akan **didakwa di mahkamah** dan sekiranya didapati bersalah, mereka boleh **didenda** tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau **dipenjarakan** selama enam bulan.

sah dengan nilai pasaran sebanyak **RM 9,947.00** juga telah disita daripada kesemua **10 buah kedai** yang didapati bersalah menjual rokok **tidak sah** yang tidak dicetak **Amaran Kesihatan Bergambar**.

Jika dibandingkan dengan '**Ops Basuh I**' yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan pada bulan Februari 2012, adalah didapati keadaan pematuhan kepada **Harga Minimum Rokok** dan larangan penjualan rokok tidak sah telah **bertambah baik** di mana, bilangan notis kesalahan yang dikeluarkan telah **berkurangan** sebanyak **25.5%**, iaitu daripada 121 notis kesalahan yang dikeluarkan pada bulan Februari kepada 90 notis kesalahan yang dikeluarkan pada bulan Julai. Kadar pekedai yang melakukan kedua-dua kesalahan tersebut juga didapati **menurun** sebanyak **1.5%**. Pecahan hasil operasi untuk kedua-dua '**Ops Basuh**' adalah seperti di **Lampiran 1**.

Kementerian Kesihatan Malaysia memberi amaran keras dan memohon kerjasama para peniaga agar mematuhi Harga Minimum Rokok dan tidak menjual rokok tidak sah. Kementerian Kesihatan akan meneruskan operasi penguatkuasaan di seluruh negara dari semasa ke semasa bagi membendung penjualan rokok di bawah Harga Minimum Rokok dan rokok tidak sah demi melindungi kesihatan orang awam serta meningkatkan kesedaran orang awam dan para peniaga tentang peruntukan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Orang ramai yang ingin membuat laporan tentang kesalahan penjualan rokok atau kesalahan merokok boleh menghubungi talian Infoline KKM 03-88834400 atau mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran.

Sekian, terima kasih



(DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN)  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 Ogos 2012

**HASIL OPERASI PENGUATKUASAAN PPKHT 2004  
'OPS BASUH II' : OPERASI LARANGAN PENJUALAN ROKOK DI  
BAWAH HARGA MINIMUM ROKOK DAN JUALAN ROKOK TANPA  
AMARAN KESIHATAN BERGAMBAR (ROKOK TIDAK SAH)**

Hasil Operasi 'OPS BASUH II' ( 24 – 26 Julai 2012 )	Jumlah
Jumlah Premis Jualan Rokok Yang Diperiksa	2,085
Jumlah Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan	90
Peratus Pekedai Yang Melakukan Kesalahan	4.3%
Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 8D – Menjual rokok dengan harga di bawah daripada <b>Harga Minimum Rokok</b>	80
Jumlah Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 15(1) – Menjual paket rokok tanpa cetakan Amaran Kesihatan Bergambar ( <b>Rokok Tidak Sah</b> )	10
Hasil Operasi 'OPS BASUH I' ( 27 – 28 Feb. 2012 )	Jumlah
Jumlah Tempat / Premis Yang Diperiksa	2,099
Jumlah Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan	121
Peratus Pekedai Yang Melakukan Kesalahan	5.8%
Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 8D – Menjual rokok dengan harga di bawah daripada <b>Harga Minimum Rokok</b>	102
Jumlah Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan Di Bawah Peraturan 15(1) – Menjual paket rokok tanpa cetakan Amaran Kesihatan Bergambar ( <b>Rokok Tidak Sah</b> )	19